

Headline	Murid asuhan PINTAR		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	29 Nov 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Supplement	Page No	1,2
ArticleSize	1415 cm <sup>2</sup>	Journalist	Oleh MARIATUL
PR Value	RM 83,900		






# mega

## Murid asuhan PINTAR

PROGRAM Pintar TNB yang dilaksanakan sejak 2007 telah memberi manfaat kepada pelajar-pelajar sekolah rendah di luar bandar dalam bidang akademik. Melalui program itu para pelajar terbabit diasuh dan dipupuk bagi mencapai kecemerlangan.

Headline	Murid asuhan PINTAR		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	29 Nov 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Supplement	Page No	1,2
ArticleSize	1415 cm <sup>2</sup>	Journalist	Oleh MARIATUL
PR Value	RM 83,900		



MURID-MURID Sekolah Kebangsaan Lahar Yooi, Tasek Gelugor, Seberang Prai yang mendapat 5A pada UPSR yang lalu.

## Program PINTAR bantu lonjakkan prestasi pendidikan di luar bandar

Oleh MARIATUL QATIAH ZAKARIA

maria.zakaria@utusan.com.my

**T**ANGISAN serta ketawa merupakan senario yang pasti tidak terlepas setiap kali keputusan peperiksaan diumumkan.

Kejayaan atau kegagalan yang tercatat pastinya memberi kesan besar kepada setiap individu kerana itu bakal mencorak perjalanan masa depan masing-masing.

Kejayaan juga bergantung kepada kemudahan dan peluang yang disediakan. Di negara ini tidak semua pelajar mempunyai peluang dan kemudahan belajar yang sama. Mereka yang di luar bandar misalnya kadangkala belajar dalam serba kekurangan yang tentunya memerlukan perhatian dan sumbangan pihak tertentu terutama syarikat milik kerajaan (GLC) melalui amalan tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka.

Itulah langkah yang diambil oleh Tenaga Nasional Bhd. (TNB) melalui program PINTAR (Menggalak Kecerdasan, Memupuk Bakat dan Menyokong Kebertanggungjawaban) yang merupakan usaha berterusan syarikat utiliti tenaga elektrik tersebut untuk membantu pembangunan modal insan dalam kalangan pelajar sekolah luar bandar.

Program itu bermatlamat melahirkan generasi yang cemerlang dan mempunyai kekuatan fizikal serta mental yang seimbang di dalam mengharungi dunia yang semakin mencabar.

Selain memberi galakan bagi meningkatkan prestasi akademik sekolah yang terlibat, usaha murni gabungan antara PINTAR Foundation dan Khazanah Nasional Berhad itu dijangka dapat melahirkan pelapis pemimpin negara di masa hadapan.

Hasilnya, TNB mempunyai sebab untuk berbangga atas kejayaan para pelajar dari sekolah angkatnya pada Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) baru-baru ini.

Ini juga secara tidak langsung memperlihatkan program PINTAR telah menambah upaya pelajar-pelajar luar bandar untuk bersaing dengan rakan mereka di bandar.

Keputusan UPSR tahun ini memperlihatkan 67 pelajar daripada 13 buah sekolah angkat di bawah program PINTAR TNB berjaya mendapat keputusan cemerlang dengan memperoleh keputusan 5A.

Menurut Ketua Pegawai Korporat TNB, **Datuk Roslan Ab. Rahman**, antara bentuk sumbangan yang diberikan TNB di bawah program itu ialah kewangan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti seperti kelas-kelas pengukuhan, kursus-kursus motivasi dan kerohanian, serta bengkel-bengkel peningkatan kemahiran.

“Para pelajar diberikan kelas tambahan selepas waktu sekolah, setiap Sabtu dan cuti sekolah, seminar motivasi, latihan teknik menjawab soalan, seminar, dan klinik UPSR.

“Guru-guru tidak ketinggalan

memperoleh manfaat antaranya program pemukiman guru-guru, bengkel NIE guru-guru bahasa Inggeris, dan juga tajaan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran,” ujarnya ketika ditemui di pejabatnya di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Jelas beliau, tiga pendekatan yang digunakan TNB sebagai panduan dalam melaksanakan program PINTAR iaitu menggalak kecerdasan, memupuk bakat, dan membentuk sahsiah diri yang berketerampilan.

Tambah Roslan, pihaknya amat berbangga apabila diberikan kepercayaan untuk berganding bahu dengan pihak sekolah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) untuk menjayakan usaha murni ini.

“Penglibatan kami selaras dengan tema CSR yang dibawa selama ini iaitu menjana kecemerlangan dalam bidang pendidikan,” katanya.

Sementara itu, menurut Ketua Unit Penghubung Berkepentingan, PINTAR Foundation, **Nur Azyan Ismail**, melalui kerjasama dan perkongsian pintar dengan GLC, syarikat swasta, agensi bukan kerajaan (NGO) serta kerajaan, pihaknya berusaha untuk membina modal insan terhadap kanak-kanak

dalam kalangan komuniti kurang berkemampuan melalui program PINTAR.

Ulasnya, sehingga hari ini terdapat 352 buah sekolah angkat PINTAR dengan lebih daripada 600,000 pelajar dan

Headline	Murid asuhan PINTAR		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	29 Nov 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Supplement	Page No	1,2
ArticleSize	1415 cm <sup>2</sup>	Journalist	Oleh MARIATUL
PR Value	RM 83,900		

guru telah mendapat manfaat melalui pelbagai aktiviti PINTAR yang telah dijalankan di seluruh negara.

“PINTAR merupakan sebuah program berkonsepkan sekolah angkat bagi menambah baik mutu pendidikan dalam kalangan pelajar.

“Sejak projek perintisnya dilancarkan lewat tahun 2006, ahli-ahli dan rakan kongsi PINTAR telah melaksanakan lebih daripada 1,000 aktiviti PINTAR di sekolah angkat masing-masing dengan melibatkan para pelajar, guru, ibu bapa dan masyarakat setempat.

“Yang pasti, melalui program ini ia dapat memberi inspirasi kepada generasi muda melalui mempromosi

kebijaksanaan, memupuk bakat, dan membina sahsiah diri,” tegasnya.

Ternyata segala usaha yang dilakukan TNB sejak tahun 2007 ini membuah hasil apabila setiap tahun pencapaian murid-murid dalam peperiksaan UPSR ada peningkatan.

Ia terbukti apabila dua buah sekolah diiktiraf sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi dan Sekolah Kluster Kecemerlangan.

### – **Info**

→ Setakat ini, 32 syarikat telah turut serta dalam

program PINTAR yang melibatkan 352 buah sekolah di seluruh negara sejak tahun 2006.

→ Program PINTAR di bawah kelolaan TNB telah diwujudkan sejak tahun 2007.

→ Sehingga tahun lalu, seramai 17,590 pelajar daripada 40 buah sekolah di Semenanjung Malaysia telah mendapat

manfaat daripada program PINTAR TNB.

Headline	Murid asuhan PINTAR		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	29 Nov 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Supplement	Page No	1,2
ArticleSize	1415 cm <sup>2</sup>	Journalist	Oleh MARIATUL
PR Value	RM 83,900		

### Apa kata mereka

→ "APA yang diusahakan ini berbaloi dengan keputusan yang diperolehi dan sudah semestinya saya berterima kasih kepada keluarga dan juga guru-guru yang banyak membimbing saya."



- **FATIN NURAFIQAH MOHD. FAIZAL**, Pelajar 5A, Sekolah Kebangsaan Bendahara Seri Maharaja, Melaka.

→ "SEGALA program yang diaturkan pihak sekolah kepada kami amat berbaloi malah kami amat menyanjung tinggi segala usaha yang diberikan guru-guru."



- **FARAHANUM MASTURA FUZZAN**, Pelajar 5A, Sekolah Kebangsaan Kampong Salang, Perlis.

→ "SAYA mewakili pihak sekolah mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tenaga Nasional Berhad atas sumbangan yang diberikan melalui projek PINTAR ini."



- **HALIMAH MAHFUD**, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Tualang Tinggi, Pasir Puteh, Kelantan.

→ "TAHUN ini ada peningkatan sebanyak 10 peratus. Sudah pasti menggembirakan kami dan terima kasih kepada TNB."



- **ROSINI AHMAD**, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Lahar Yooi, Tasek Gelugor, Pulau Pinang.

→ "SAYA berharap program ini diteruskan untuk membantu pihak sekolah mencapai objektif serta meningkatkan akademik murid-murid yang tercicir."



- **MUHAMAD JONED**, Bapa pelajar SK Chuah, Port Dickson.

→ "SEGALA kejayaan yang diperolehi kali ini adalah berkat usaha daripada semua sekolah dan sudah pasti kami pihak ibu bapa serta Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) akan memberi penuh perhatian dalam menyokong hasrat murni program PINTAR."



- **HAMIDAN NONG**, Yang DiPertua PIBG SK Jorak, Muar, Johor.

Headline	Murid asuhan PINTAR		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	29 Nov 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Supplement	Page No	1,2
ArticleSize	1415 cm <sup>2</sup>	Journalist	Oleh MARIATUL
PR Value	RM 83,900		

